



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 9 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PENJUALAN BUBU NAGA BAKAL DIHARAMKAN - JABATAN PERIKANAN, BH -ONLINE BINCANG HARAM JUALAN BUBU NAGA, NASIONAL, BH -8 BOT NELAYAN VIETNAM JADI KAJIAN UMT, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN/JOHOR, SH -28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6.	PELADANG OUTLET TO CUT ROLE OF MIDDLEMEN -RONALD, BERNAMA -ONLINE MASYARAKAT TANI DIGALAK PASAR PRODUK SECARA DALAM TALIAN, BERNAMA -ONLINE LPP PACU HASIL PERTANIAN, NASIONAL, SH -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	PENDAPATAN PETANI MENINGKAT, NASIONAL, SH -11	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8.	SEMINAR BANGUNKAN INDUSTRI MAKANAN BERFUNGSI, GAYA RESENSI, UM -23	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	CAP URGES FISHERIES DEPARTMENT TO INVESTIGATE 'IKAN RAKYAT' PROBLEM IN THE MARKET, NST -ONLINE PENIAGA BAJA NAFI RASUAH RM30,000, LOKAL, HM -5 PULIHARA ALAM, LOKAL, HM -5 MATEMATIK BANTU PENANGKAPAN IKAN PELAGIK KECIL?, GAYA ALAM, UM -26 BANTU TINGKAT HASIL TANGKAPAN, ALAM GAYA, UM -27 SMART FARMING THE FUTURE OF AGRICULTURE, THE STAR -ONLINE SMART FARMING THE FUTURE OF AGRICULTURE, NATION, THE STAR -2 MALAYSIAN FOOD TAKES GLOBAL STAGE, EVENTS, THE STAR -8	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Penjualan bubu naga bakal diharamkan - Jabatan Perikanan



PUTRAJAYA: Jabatan Perikanan sedang berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk mengharamkan penjualan bubu naga bagi tujuan penangkapan ikan di perairan awam selepas pengharaman penggunaannya sejak dua tahun lalu terus diingkari.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly, berkata sehingga kini tiada penyeragaman

peraturan apabila penjualan dan pembelian bubu naga tidak tertakluk di bawah kesalahan sebaliknya hanya penggunaannya sahaja diharamkan mengikut Akta Perikanan 1985.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan pihaknya sukar mengekang penggunaan bubu naga kerana penjualan bahan itu masih berleluasa termasuk di portal beli-belah.

Katanya, melalui perbincangan awal dengan KPDNHEP, Jabatan Perikanan akan cuba mencari penyelesaian bagi membolehkan penjualan bubu naga hanya dibenarkan untuk tujuan penternakan akuakultur.

"Apa yang kita risaukan ialah ia agak sukar ditekang kerana bubu naga ini mudah diperolehi di kedai biasa dan pembelian dalam talian.

"Walaupun aspek penguatkuasaan ditingkatkan, penggunaannya masih berlaku kerana bahan itu boleh diperolehi dengan mudah.

"Justeru kita sudah mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP untuk kita temui satu justifikasi teknikal bagi membolehkan penjualan bubu naga juga diklasifikasikan sebagai satu kesalahan.

"Kita faham penggunaan bubu naga dalam aktiviti menangkap udang sangat berkesan, maka kita harus menemukan penyelesaian terbaik bagi memastikan ia tidak disalah guna," katanya kepada BH.



Semalam, BH melaporkan penggunaan bubu naga yang diharamkan dua tahun lalu dikesan masih berleluasa di perairan negara khususnya di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Difahamkan, ribuan nelayan pesisir pantai masih lagi bergantung kepada bubu naga kerana ia tidak perlu melalui proses yang rumit untuk memasang pukot atau menunggu.

Jabatan Perikanan merampas 3,039 bubu naga bernilai RM182,340 pada 2019 dan 2,346 rampasan (RM211,140) tahun lalu, manakala Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 3,997 set bubu naga dengan nilai rampasan dianggarkan RM427,380 sejak 2018 hingga Januari lalu.

Pada masa sama, Ahmad Tarmidzi berkata, pihaknya mengakui spesis hidupan laut bernilai tinggi seperti jenahak dan siakap berisiko pupus jika penggunaan bubu naga dalam kalangan nelayan tidak ditangani dengan baik.

Selain itu, katanya penggunaan bubu naga secara berterusan dikesan mengancam pendapatan nelayan zon A yang berisiko merosot hingga 50 peratus kerana pengurangan hasil tangkapan.

Beliau berkata, penggunaan bubu naga banyak dikesan di pantai barat pada kedudukan antara kosong hingga satu batu nautika iaitu lokasi terletaknya kawasan konservasi perikanan khususnya di perairan Kedah, Perak dan Selangor.

Katanya, di kawasan itulah banyak hidupan laut bernilai tinggi seperti udang, jenahak, siakap yang jika tidak dikawal tangkapannya oleh penggunaan bubu naga boleh pupus.

"Kawasan konservasi ikan adalah pusat pembiakan pelbagai hidupan laut namun jika induk spesis ini ditangkap secara tidak sah selain anak ikan itu sendiri, kepupusan boleh berlaku.

"Apabila ini berlaku, nelayan zon A juga akan menerima kesan buruknya apabila pendapatan mereka boleh terjejas sehingga lebih 50 peratus ekor kehilangan hasil tangkapan," katanya.

Ahmad Tarmidzi berkata, pihaknya percaya kegiatan bubu naga banyak didalangi nelayan tidak berlesen kerana mahu mencari punca pendapatan dengan jalan mudah.

Beliau berkata, kebanyakan nelayan berlesen tidak berani untuk menggunakan bubu naga kerana jika ditangkap mereka boleh berdepan tindakan dibatalkan lesen.

"Selain itu mereka juga boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 11(3)(C) Akta Perikanan 1985 yang boleh dikenakan kompaun sebanyak RM500 dan peralatan dirampas.

"Kita percaya kebanyakan yang menggunakan bubu naga adalah nelayan tidak berlesen yang terpaksa ke laut kerana kehilangan pekerjaan akibat pandemik COVID-19.

"Ini terbukti apabila kita menerima banyak permohonan untuk mendapatkan lesen penangkapan ikan iaitu hampir 300 dalam tempoh empat bulan pertama ini," katanya.

Bincang haram jualan bubu naga

Tiada penyeragaman peraturan punca mudah dibeli di pasaran

Oleh Suzalina Halid
suzalipa@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Perikanan sedang berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk mengharmoniskan penjualan bubu naga bagi tujuan penangkapan ikan di perairan awam selepas pengharaman penggunaannya sejak dua tahun lalu terus diingkar.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramli, berkata sehingga kini tiada penyeragaman peraturan apabila penjualan dan pembelian bubu naga tidak tertakluk di bawah kesalahan sebaliknya haramnya penggunaannya sahaja diharamkan mengikut Akta Perikanan 1985.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan pihaknya sukar mengekang penggunaan bubu naga kerana penjualan bahan itu masih berleluasa termasuk di portal beli-belah.

Katanya, melalui perbincangan awal dengan KPDNHEP, Jabatan Perikanan akan cuba mencari penyelesaian bagi membolehkan penjualan bubu naga haramnya dibenarkan untuk tujuan penternakan akuakultur.

"Apa yang kita risaukan ialah ia agak sukar dikekang kerana bubu naga ini mudah diperolehi di kedai biasa dan pembelian dalam talian.

"Walaupun aspek penguatkuasaan ditingkatkan, penggunaannya masih berlaku kerana bahan itu boleh diperolehi dengan mudahnya.

"Justeru, kita sudah mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP untuk kita temui satu justifikasi teknikal bagi membolehkan penjualan bubu naga juga diklasifikasikan sebagai satu kesalahan.

"Kita faham penggunaan bubu naga dalam aktiviti menangkap udang sangat berkesan, maka kita harus menemukan penyelesaian terbaik bagi memastikan ia



Keratan akhbar BH Kelmarin.

tidak disalah guna," katanya kepada BH.

Berdasarkan maklumat diperolehi oleh BH, bubu naga mudah diperolehi di pasaran gelap.

Kebiasaannya di kedai, set bubu naga boleh diperolehi pada harga kira-kira RM50 yang dijual secara siap bagi memudahkan nelayan untuk terus menggunakannya.

Bagi nelayan di utara, kebanyakan mereka membeli set bubu naga di negara jiran.

Bubu naga juga dijual di beberapa portal beli-belah dengan harga serendah RM9.50 hingga RM160 mengikut saiz.

Kelmarin, BH melaporkan penggunaan bubu naga yang diharamkan dua tahun lalu dikesan masih berleluasa di perairan negara khususnya di Kedah, Per-

lis, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Difahamkan, ribuan nelayan pesisir pantai masih lagi bergantung kepada bubu naga kerana ia tidak perlu melalui proses yang rumit untuk memasam pukat atau menunggu.

Jabatan Perikanan merampas 3,039 bubu naga bernilai RM182,340 pada 2019 dan 2,346 rampasan (RM211,140) tahun lalu, manakala Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 3,997 set bubu naga dengan nilai rampasan dianggarkan RM427,380 sejak 2018 hingga Januari lalu.

Pada masa sama, Ahmad Tarmidzi berkata, pihaknya mengakui spesies hidupan laut bernilai tinggi seperti jenahak dan siapak berisiko pupus jika penggunaan bubu naga dalam kalangan nelayan tidak ditangani dengan baik.

Selain itu, katanya penggunaan bubu naga secara berturutan dikesan mengancam pendapatan nelayan zon A yang berisiko merosot hingga 50 peratus kerana pengurangan hasil tangkapan.

Beliau berkata, penggunaan bubu naga banyak dikesan di pantai barat pada kedudukan antartara kosong hingga satu batu

nantika iaitu lokasi terletaknya kawasan konservasi perikanan khususnya di perairan Kedah, Perak dan Selangor.

Katanya, di kawasan itulah banyak hidupan laut bernilai tinggi seperti udang, jenahak, siapak yang jika tidak dikawal tangkapannya oleh penggunaan bubu naga boleh pupus.

"Kawasan konservasi ikan adalah pusat pembiakan pelbagai hidupan laut namun, jika induk spesies ini ditangkap secara tidak sah selain anak ikan, kepupusan boleh berlaku.

"Apabila ini berlaku, nelayan zon A juga akan menerima kesan buruk apabila pendapatan mereka boleh terjejas sehingga lebih 50 peratus ekoran kehilangan hasil tangkapan," katanya.

Ahmad Tarmidzi berkata, pihaknya percaya kegiatan bubu naga banyak diilanggi nelayan tidak berlesen kerana mahu mencari pendapatan dengan jalan mudah.

Beliau berkata, kebanyakan nelayan berlesen tidak berani untuk menggunakan bubu naga kerana jika ditangkap mereka boleh berdepan tindakan dibatalkan lesen.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN/ JOHOR	28

Bot nelayan Vietnam jadi kajian UMT

Maritim sumbangkan dua bot dilucut hak untuk dijadikan tukun tiruan

Oleh NORHASPIDA YATIM

SETIU

Agensy Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu menyumbangkan dua bot nelayan Vietnam untuk dijadikan tukun tiruan bagi proses pendidikan dan penyelidikan sains marin pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Dua bot berkenaan dilupuskan sebagai tukun tiruan pada kedalaman 13 hingga 15 meter dari permukaan laut dan jarak antara 500 hingga 600 meter dari Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT di Pulau Bidong.

Pengarah Bahagian Keselamatan dan Pengawasan Maritim, Laksamana Muda (M) Datuk Saiful Lizan Ibrahim berkata, bot berkenaan adalah bot nelayan asing Vietnam yang ditahan serta dilucut hak oleh mahkamah sepanjang 2020 atas kesalahan menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara.

Beliau berkata, penyerahan bot bagi tujuan penyelidikan itu pertama kali dilaksanakan serta merupakan simbolik hubungan strategik dua hala antara Maritim Malaysia Terengganu dan UMT.

“Langkah ini merupakan inisi-



Sebuah bot nelayan Vietnam yang dilucut hak sedang ditenggelamkan sebagai tukun tiruan di perairan Pulau Bidong, Terengganu bagi proses penyelidikan dan pendidikan sains marin oleh pelajar UMT.

atif bagi memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta menjadi komitmen Maritim Malaysia dalam mengekang pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

“Ia juga sebagai isyarat tegas kerajaan dalam memelihara kedaulatan perairan negara dan memastikan sumber perikanan terus terpelihara,” katanya pada sidang akhbar selepas program melabuhkan tukun vessel lucut hak sumbangan Maritim Malaysia Terengganu bagi aktiviti penyelidikan UMT di perairan Pulau Bidong pada Khamis.

Dalam pada itu, Saiful Lizan berkata, proses pelupusan itu adalah kali kesembilan dilakukan tahun ini dan dijangka 38 buah bot lagi akan ditenggelamkan sepanjang tahun ini setelah mendapat perlucutan hak mahkamah.

Beliau berkata, proses pelupusan bot tersebut mendapat kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Persatuan Nelayan

Kuala Terengganu Utara dan Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT).

“Sehingga kini sebanyak 104 bot dengan anggaran nilai RM156 juta telah ditenggelamkan untuk dijadikan tukun di sepanjang perairan Terengganu,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, Profesor Ts. Dr Mohd Zamri Ibrahim berkata, pelabuhan tukun vessel di perairan Pulau Bidong bagi membolehkan pelajar dan penyelidik UMT menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan sumber perikanan serta aspek sains marin.

Beliau berkata, UMT turut berbincang bersama Jabatan Warisan Negara dimana ia merupakan entiti penting di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) untuk menjadikan kawasan tukun itu sebagai lokasi latihan bagi kajian arkeologi.

Peladang Outlet to cut role of middlemen - Ronald



KLUANG, April 8 -- The rebranding of Agricultural Product Collection Centre (APCC) to Peladang Outlet (PO) launched today, will reduce the role of the middleman in agricultural product purchasing and marketing in the country.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said through PO, operators can sell their products with more profits, as less than RM1 management charge imposed on every one kilogramme of each product, depending on the market price.

He said the rebranding will also increase the centre's commercial value and raise consumer awareness on the existence of Peladang brand in the market.

"For instance for one kilogramme of chilies priced at RM9, PO buys at RM8. If it is the middleman, they buy only around RM6, nothing less than that.

"As such, of course their profits are bigger, but with PO, all the middleman's works are done at the centre, before the products are sold to buyers comprising of supermarkets, wholesalers and others," he said.

Ronald said this to reporters after a national-level PO launching ceremony at Kluang's Area Farmer Organisation (PPK) here, today.

Also present were State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Samsolbari Jamali, Farmers' Organisation Authority (LPP) chairman Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh and LLP director Datuk Azulita Salim.

Ronald said the programme's rebranding is also to ensure that Farmers' Organisation (PP) marketing channel remains in the business in line with the Fourth Industry Revolution (IR 4.0).

"The use of PO branding is the new brand that will represent the whole PP so that it can compete and become the pioneer to marketing activities and boost the function of Peladang.

Prior to that, in conjunction with the ceremony, Ronald also handed over 22 refrigerated trucks and cargoes with the allocation of RM3.4 million to PP nationwide.

The allocation was given under PP Agrofood Special Fund (Mobilisation and Logistic) through the Prihatin Economic Stimulus Package.

Also presented was the Organic Agriculture Project fund worth RM3.2 million and rolling capital allocation for Kluang PPK worth RM400,000.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2021	BERNAMA	ONLINE	

Masyarakat tani digalakkan pasar produk secara dalam talian



KLUANG, 8 April – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kini dalam usaha menggalakkan masyarakat tani menggunakan teknologi terkini seperti platform e-dagang untuk memasarkan hasil tani mereka secara dalam talian.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata langkah ini penting kerana penggunaan teknologi telah terbukti dapat meningkatkan hasil jualan.

Mengambil contoh ketika pandemik COVID-19 melanda negara setahun lalu, Ronald berkata kementerian telah berjaya merekodkan lebih RM300 juta hasil jualan tani melalui tiga platform e-dagang yang dibangunkan.

Katanya platform itu ialah Agro Bazaar Online, Nekmatbiz dan e-peladang, masing-masing dikendalikan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

“Kita (kementerian) melihat perniagaan dalam talian ketika pandemik COVID-19 sebagai satu bentuk atau alternatif jualan dan pemasaran yang efektif.

“Kita berharap platform sebegini terus digunakan oleh pengguna atau organisasi seperti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk mempromosikan pembelian atau jualan hasil tani mereka.

“Pada masa sama, kita juga tidak menghalang pihak persendirian (masyarakat tani) untuk membangunkan platform e-dagang sendiri bagi tujuan sama,” katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Peladang Outlet (PO) peringkat Kebangsaan di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali dan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Ketua Pengarah LPP Datuk Azulita Salim.

— BERNAMA

LPP pacu hasil pertanian

Ronald (tengah) meninjau Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang.



Ronald (dua dari kanan) mendengar penerangan mengenai hasil pertanian.

Penjenamaan semula Peladang Outlet bantu rancakkan aktiviti pemasaran produk tani

Oleh NOR AZURA MD AMIN

KLUANG

Penjenamaan semula Peladang Outlet membantu merancakkan lagi aktiviti pemasaran produk Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selari dengan kepesatan teknologi.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, menjadi keperluan kepada



RONALD KIANDEE

LPP untuk menjenamakan semula saluran pemasaran di bawah satu jenama agar ia mudah dikenali, dipercayai dan diyakini.

"Pelancaran Peladang Outlet akan dapat membantu kumpulan petani memasarkan hasil pertanian mereka tanpa dipengaruhi oleh orang tengah. Bimbingan daripada LPP bukan sahaja dari segi penanaman tetapi turut membantu pemasaran dalam rantaian agromakanan keseluruhannya.

"Kementerian amat prihatin terhadap petani, penternak dan nelayan dengan mengadakan pelbagai program bagi memastikan *frontliner* dalam industri tani dan makanan ini terus terjaga selain pendapatan mereka akan terus dipertingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Peladang Outlet (PO) Peringkat Kebangsaan di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang di sini pada Rabu.

Hadir sama, Pengerusi LPP, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Azulita Salim.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, Peladang Outlet juga dapat mengekalkan keseragaman aktiviti pemasaran Pertubuhan Peladang melalui satu jenama yang merangkumi pelbagai aspek pemasaran ter-

masuk sistem, kedai dan produk peladang.

"Peladang Outlet mampu berdaya saing dan setanding dengan jenama jenama lain yang berada di pasaran seiring dengan keperluan pengguna yang sentiasa berubah-ubah.

"Pada masa sama, untuk mempromosikan hasil-hasil keluaran Pertubuhan Peladang dan ahli yang dipasarkan di pasaran setempat dengan menggunakan jenama Peladang Outlet," katanya.

Tambahnya lagi, penggunaan jenama Peladang Outlet melibatkan semua aktiviti pemasaran di Pertubuhan Peladang akan memberi nilai tambah dalam aktiviti pemasaran yang dilakukan.

"Kekuatan jenama yang mewakili seluruh Pertubuhan Peladang merupakan satu dimensi baharu yang perlu diambil bagi memperkukuhkan jenama Pertubuhan Peladang agar mampu bersaing dan menjadi peneraju kepada aktiviti pemasaran," katanya.

Pada majlis sama, Ronald turut menyampaikan 22 buah lori sejuk beku kepada Pertubuhan Peladang seluruh negara melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat melibatkan per-

untukan RM3.4 juta di bawah Dana Khas Agromakanan Pertubuhan Peladang (Mobilisasi dan Logistik).

Turut disampaikan, peruntukan Projek Pertanian Organik di bawah kendalian LPP Negeri Johor bernilai RM 3.2 juta dan peruntukan modal pusingan bagi kumpulan wang pinjaman Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang bernilai RM400,000.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi berkata, Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) yang dimulakan sejak tahun 2015 itu bertujuan memastikan aktiviti pengeluaran makanan oleh Pertubuhan Peladang dapat dipasarkan pada harga yang kompetitif seterusnya mengurangkan manipulasi harga oleh 'orang tengah'.

"Bagi meningkatkan keupayaan PPHL ini, LPP telah diberikan tanggungjawab untuk mewujudkan 200 PPHL di seluruh negara dengan nilai peruntukan khas berjumlah RM21 juta.

"Sehingga kini, PPHL telah berjaya melakukan urusan niaga yang bernilai lebih RM53 juta dengan melibatkan 5,338 pelanggan dan 241,919 pelanggan," katanya.



Ronald membuat gimik pelancaran melepaskan 22 buah lori sejuk beku Pertubuhan Peladang di Kluang pada Khamis.

Kadar kemiskinan di Kawasan Muda menunjukkan penurunan ketara

Oleh RAJA NUR FAZNE AIDA

SHAH ALAM

Pendapatan petani di Kawasan Muda telah mencatatkan peningkatan, sekaligus mengeluarkan golongan berkenaan daripada kelompok B40.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, setelah membuat satu analisis baharu, pihaknya mendapati purata pendapatan mereka mencecah RM33,000 setahun dan kadar kemiskinan menunjukkan penurunan yang ketara.

"Alhamdulillah, sekarang hanya tinggal satu peratus kadar kemiskinan dalam kalangan petani. Berbanding pada 1970, kadar kemiskinan di Kawasan Muda sangat tinggi iaitu lebih kurang 70 peratus.

"Ini bermakna penubuhan MADA berjaya memberikan kesejahteraan kepada petani, sekaligus menunjukkan pencapaian membanggakan," katanya pada program Sinar Live bertajuk 'Masa Depan Industri Padi Kawasan Muda' di Studio F Kumpulan Karangraf di sini pada Rabu.

Ahmad Tarmizi berkata, Kawasan Muda merupakan jelapang padi terbesar di Malaysia merangkumi kawasan seluas 130,282 hektar dan 100,685 hektar daripadanya adalah kawasan penanaman padi yang terletak di Kedah serta Perlis.

Menurutnya, MADA ditubuhkan bertujuan bagi mengurus dan menyelia Rancangan Pengairan Muda iaitu sebuah projek pembangunan

Pendapatan petani meningkat

luar bandar yang terbesar dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Pertama.

"Bagi memastikan industri padi negara terus maju, program Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) telah diperkenalkan di Kawasan Muda.

"Petani perlu meningkatkan keluasan sawah padi sekurang-kurangnya lima hektar. Sehingga kini seramai 3,942 petani di Kawasan Muda telah mengusahakan sawah padi dengan keluasan lebih 4.6 hektar.

"Kita lihat apabila penanaman padi berskala besar digerakkan petani dengan dibantu oleh MADA dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), hasilnya sangat baik kerana mereka dapat mengurangkan kos pengeluaran termasuk kos dari segi pembajakan dan racun," katanya.

Beliau berkata, MADA bekerjasama dengan agensi-agensi pertanian lain termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi menghasilkan varieti atau benih-benih padi yang berkualiti.

"Inisiatif terbesar yang dilakukan MADA setakat ini adalah mengubah sistem penanaman padi daripada sekali setahun kepada dua kali setahun.

"Pada peringkat awal, kita hanya dapat 3.37 tan metrik untuk satu hektar, namun hari ini ia sudah melonjak kepada 5.83 tan metrik untuk satu hektar.

"Apabila melihat peningkatan ini, ia mungkin akan melepasi sasaran kita iaitu 6.5 tan metrik untuk satu hektar," katanya.

Ahmad Tarmizi turut menandatangani agar kerajaan mem-

beri tumpuan kepada pembangunan sumber air baharu untuk kegunaan pertanian di Kawasan Muda.

Menurutnya, fenomena kemarau yang tidak menentu telah memperlihatkan empuangan MADA mencatat bacaan terendah tahun ini.

"Ia adalah situasi kritikal kerana sumber air daripada empuangan ini perlu memberi keutamaan kepada bekalan air mentah untuk kegunaan domestik dan industri di Kedah dan Perlis.

"Ketika ini kerajaan sedang membangunkan projek Jeniang Transfer yang membolehkan pengurusan air lebih efektif.

"Kerajaan diminta supaya dapat mempertimbangkan pembangunan sumber air baharu seperti *coastal reservoir* dan empuangan bawah tanah bagi menjamin kelestarian industri padi di Kawasan Muda," katanya.

Beliau berkata, dari segi pelaksanaan dasar kerajaan dalam industri padi termasuk Dasar Agro Makanan, ia adalah rentan daripada dasar-dasar yang sudah dilakukan sebelum ini.

Bermula pada 1979, katanya, kerajaan telah memperkenalkan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) iaitu baja campuran dan baja urea dibekalkan kepada petani bagi meningkatkan pengeluaran padi negara.

"Kemudian pada 2007, Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) diperkenalkan dengan kerajaan memberi sumbangan khusus sebanyak RM650 untuk satu tan.

"Kerajaan juga melaksanakan beberapa dasar lain termasuk Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBMN) seperti penyelenggaraan infra-



AHMAD TARMIZI

struktur, peningkatan kesuburan tanah (NPK), kawalan makhluk perosak dan penyakit serta mekanisasi ladang.

Menurutnya, pada 2014, harga belian padi dinaikkan daripada RM1,050 satu tan kepada RM1,200 manakala tahun 2016, subsidi harga padi pula dinaikkan daripada RM248.10 kepada RM300 untuk satu tan.

"Terbaharu dalam Belanjawan 2020, subsidi harga padi dinaikkan RM360 untuk satu tan," katanya.

Ditanya cabaran dihadapi MADA setelah 50 tahun penubuhan, Ahmad Tarmizi berkata, isu kepadatan infrastruktur pengairan masih menjadi isu utama dalam pengurusan industri padi di Kawasan Muda.

"Kepadatan infrastruktur ini adalah jarak yang jauh antara tali air dan parit iaitu antara lima hingga tujuh kilometer menyebabkan pengairan dan kawalan air yang tidak sempurna.

"Selain itu, kita juga sedang berusaha untuk mengekalkan keluasan padi supaya tidak ber-

laku kemerosotan dari segi jumlah keluasan. Kalau di Kedah, sebahagian daripadanya sudah bertukar menjadi kawasan perumahan ataupun industri," katanya.

Sebagai persediaan dalam menempuh revolusi industri pula, beliau berkata, pihaknya sedang membangunkan sistem data besar yang dikenali sebagai MADAGIS iaitu aplikasi membuat keputusan menggunakan satelit.

"Aplikasi ini bertujuan menghasilkan pemetaan sawah padi untuk memperoleh data dengan tepat.

"Kita juga turut memperkenalkan dron semburan racun dan juga mini jentuai. Sehingga kini, seluas 3,000 hektar di Kawasan Muda telah menggunakan khidmat dron, manakala 2,365.5 hektar telah menggunakan mini jentuai.

"Ini menandakan penggunaan teknologi kian menjadi pilihan dan dipercayai di antara pemain industri pertanian," kata Ahmad Tarmizi.



Ahmad Tarmizi ketika membincangkan tajuk 'Masa Depan Industri Padi Kawasan Muda' di Kumpulan Karangraf, Shah Alam pada Rabu.



MADA berusaha berusahanya membantu petani meningkatkan hasil pertanian mereka.

Seminar bangukan industri makanan berfungsi

Di zaman millenia ini, masyarakat semakin celik akan kepentingan pengambilan makanan berfungsi atau makanan berkhasiat untuk kekal sihat.

Kehadiran pelbagai jenis penyakit pada ketika ini membuatkan ramai semakin peka dan bijak memilih bahan makanan.

Senario ini dapat dilihat melalui kehadiran pelbagai produk berasaskan kesihatan mahupun organik di pasaran.

